

PERUBAHAN KONSONAN DALAM PENGGANDAAN BERIMA BAHASA INDONESIA

(Consonant Changes in Indonesian Rhyming Reduplication)

Lee Juyoung

cintakucintamu@daum.net

Jurusan Interpretasi dan Penerjemahan
Bahasa Melayu-Indonesia,
Universiti Pengajian Asing Hankuk,
Korea Selatan.

Abstrak

Makalah ini bertujuan mengemukakan rumusan perubahan konsonan dalam penggandaan berima bahasa Indonesia. Kajian ini mengutarakan bahawa perubahan konsonan dalam penggandaan berima bahasa Indonesia dapat dijelaskan melalui pendekatan terpisah yang tidak mempertimbangkan dua jenis penggandaan berima yang lain, iaitu perubahan vokal dan perubahan suku kata. Berdasarkan ciri khususnya, diketengahkan dahulu dalam kajian ini empat rumusan tentang perubahan konsonan dalam penggandaan berima bahasa Indonesia, iaitu, (1) hanya fonem-fonem asli boleh berubah; (2) perubahan konsonan mengarah kepada bunyi bilabial berlaku dalam keadaan normal; (3) perubahan konsonan amnya terhad kepada konsonan dalam suku kata yang pertama; dan (4) ada atau tidaknya fitur [suara] merupakan satuan dasar dalam perubahan konsonan serta makna “kepelbagaian”, “tingkat superlatif”, dan “sangat” pada dasarnya diterbitkan daripada perubahan fitur [sonoran]. Seterusnya, dibahas pula pola perubahan konsonan dalam kata ganda berima sama ada dapat dianalisis berdasarkan rumusan tersebut. Turut dimuatkan perbincangan secara ringkas hubungan antara tiga jenis penggandaan berima bahasa Indonesia untuk mengungkapkan masalah yang perlu diselidik dalam kajian akan datang.

Kata kunci: bahasa Indonesia, perubahan konsonan, penggandaan berima, kata ganda berima, pendekatan terpisah

Abstract

This paper aims in suggesting rules on consonant changes in Indonesian rhyming reduplication. This paper argues that consonant changes in Indonesian rhyming reduplication can be elucidated through an independent approach which does not treat two other types of rhyming reduplication, i.e. vowel-changing and syllable-changing. The four rules on consonant-changing rhyming reduplication are proposed based on the following characteristics: (1) only native phonemes can be changed, (2) consonant changes shift to bilabial sounds in normal situations, (3) consonants are usually changed only in the first syllable, and (4) the presence or absence of [voice] feature corresponds to a basic unit in consonant changes and, in principle, the meaning “diverse”, “superlative” or “very” can be derived from a change of [sonorant] feature. This study also investigates whether the consonant change patterns in the rhyming reduplicated form can be analyzed according to these four rules. This study also examines the relations between three types of Indonesian rhyming reduplications in describing the remaining problems.

Keywords: Indonesian, consonant change, rhyming reduplication, rhyming reduplicated word, independent approach

PENDAHULUAN

Penggandaan terbagi kepada penggandaan penuh, penggandaan separa, dan penggandaan berima dalam bahasa Indonesia. Antara tiga penggandaan tersebut, penggandaan berima yang merupakan topik makalah ini diartikan sebagai “penggandaan yang mengalami perubahan sama ada pada susunan konsonan, vokal mahupun suku kata” (Mohd Yunus & Zaitul Azma, 2011:28). Dengan kata lain, penggandaan berima didefinisikan sebagai penggandaan yang mengakibatkan berlaku berbagai-bagai perubahan bunyi.

Daripada pengertian tersebut, penggandaan berima amnya digolongkan kepada tiga jenis, iaitu penggandaan berima melalui perubahan konsonan, penggandaan berima melalui perubahan vokal, dan penggandaan berima melalui perubahan suku kata. Perubahan vokal dalam penggandaan

berima telah ditelaah secara meluas. Sebaliknya, perubahan konsonan dan perubahan suku kata dalam penggandaan berima belum dibahas secara mendalam kecuali kajian oleh Nomoto (2012). Akan tetapi, dapat dikatakan bahawa generalisasi yang diketengahkan oleh Nomoto (2012) tersebut masih belum memadai dan belum memuaskan. Umpamanya, generalisasi yang termuat dalam Nomoto (2012) tidak dapat memaparkan dengan jelas sebab “sayur” berubah menjadi “mayur” dalam kata ganda berima “sayur-mayur”.¹

Sehubungan dengan itu, makalah ini cuba menghuraikan rumusan perubahan konsonan dalam penggandaan berima bahasa Indonesia. Dalam kajian ini, tiga hal diandaikan terlebih dahulu untuk mengenal pasti perubahan konsonan yang terjadi dalam penggandaan berima bahasa Indonesia. Yang pertama, kata akar merupakan titik tolak untuk perubahan bunyi. Yang kedua, bentuk “morfem-morfem”, misalnya “luntang-lantung”, bukan kata ganda berima kerana tidak ada kata akar dalam item leksikal tersebut. Yang ketiga, item leksikal seperti “cucu-cicit” bukan kata ganda berima tetapi merupakan kata majmuk (Nomoto, 2012:6-7).

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Jumlah kajian lepas tentang perubahan konsonan penggandaan berima baik dalam bahasa Indonesia mahupun bahasa Melayu sangat terhad. Hal ini berkaitan erat dengan kesulitan dalam merumuskan pelbagai perubahan konsonan. Walaupun demikian, Nomoto (2012) dalam kajiannya telah menghasilkan generalisasi perubahan konsonan (dan perubahan suku kata) seperti dalam perkara 1 di bawah.

1. Generalisasi perubahan konsonan dalam penggandaan berima bahasa Melayu (Nomoto, 2012:3-6), iaitu;
 - a. Hanya konsonan asli berubah. Ertinya, fonem /f, v, z, ʃ, (q, x, y)/ tidak berubah.
 - b. Perubahan konsonan tidak menghasilkan pasangan konsonan tak bersuara atau pasangan konsonan yang memiliki cara artikulasi yang sama. Walau bagaimanapun, terdapat tiga pengecualian yang berkaitan dengan perubahan diakronik, iaitu /k/-/b/, /h/-/p/, dan /h/-/?/.
 - c. Koda tidak boleh berubah sendirian. Dengan kata lain, koda sentiasa berubah bersama-sama inti suku kata.
 - d. Koda dapat disisipkan ataupun dilesapkan sendirian. Namun,

ada kecenderungan bahawa inti suku kata berubah bersama epentetis koda atau pelesapan koda.

Tidak dapat dinafikan bahawa Nomoto (2012) berhasil memperdalam pemahaman tentang perubahan konsonan dalam penggandaan berima. Namun demikian, kajian tersebut masih belum mencapai tahap yang berpada. Dengan kata lain, kajian tersebut belum cukup mantap untuk menghuraikan sebab “sayur-bayur” tidak gramatis, tetapi “sayur-mayur” lebih gramatis.

Sementara itu, Lee (2014) pernah membuat kajian tentang penggandaan bahasa Indonesia. Meskipun kajian tersebut tidak memfokuskan penggandaan berima sahaja, namun ada beberapa hal yang perlu dirujuk, antaranya seperti dalam perkara 2 di bawah.

2. Generalisasi perubahan konsonan dalam penggandaan berima bahasa Indonesia (Lee, 2014:290), iaitu;
 - a. Kesemua generalisasi dalam kajian Nomoto (2012) dapat diterapkan kepada bahasa Indonesia.
 - b. Kebanyakan perubahan konsonan disertai perubahan fitur [suara]. Sebanyak 27 daripada 30 perubahan konsonan mengalami perubahan fitur [suara].
 - c. Ada kecenderungan bahawa perubahan konsonan tidak mengarah ke belakang dari segi tempat artikulasi. Hanya empat daripada 30 perubahan konsonan mengarah ke belakang.
 - d. Perubahan konsonan kepada bunyi bilabial paling sering ditemui. Sebanyak 18 daripada 30 perubahan konsonan mengalami perubahan kepada bunyi bilabial.


Jika diperhatikan perkara 2 di atas, dapat diketahui bahawa Lee (2014), menerusi kajiannya itu, cuba menghasilkan generalisasi perubahan konsonan dalam penggandaan berima bahasa Indonesia seperti yang dilakukan oleh Nomoto (2012). Namun, kajian tersebut juga tidak dapat menjelaskan sebab konsonan berubah sedemikian rupa dalam penggandaan berima.

PENDEKATAN TERPISAH

Kajian ini menggunakan pendekatan terpisah untuk menyelidik rumusan perubahan konsonan dalam penggandaan bahasa Indonesia. Ertinya, perubahan konsonan dibahas secara terpisah daripada perubahan vokal dan perubahan suku kata dalam kajian ini. Dalam dunia ilmu, fenomena kompleks amnya ditelaah berdasarkan fenomena sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana fenomena kompleks yang sulit difahami secara keseluruhan dapat ditanggap dengan lebih jelas menerusi beberapa fenomena sederhana yang merupakan unsur-unsurnya. Dapat dianggap bahawa hal itu tidak begitu berbeza dalam pengkajian tentang penggandaan berima bahasa Indonesia.


Pandangan itu didukung oleh Lee (2015) menerusi kajiannya yang meneliti perubahan vokal dalam penggandaan berima bahasa Indonesia. Dalam kajian tersebut, diutarakan bahawa perubahan vokal terjadi berdasarkan fonestem /i/-/a/-/u/, lokalisme, maksimalisme, arah perubahan, dan makna yang diterbitkan. Jika dipaparkan secara lebih terperinci, perubahan vokal terjadi dalam kerangka /i, (e)/-/a/-/u, o/ yang didasarkan kepada fonestem /i/-/a/-/u/. Perubahan vokal yang mentaati lokalisme kerana perubahan antara /i, (e)/ dan /u, o/ tidak terjadi. Selain itu, perubahan vokal juga berkaitan dengan maksimalisme untuk menandai makna “kepelbagaian” secara ikonik. Ertinya, semua vokal berubah kecuali /ə/ dan /e/ yang tidak pernah berubah dalam penggandaan berima. Tambahan pula, pembentukan kata ganda berima berhubungan dengan arah perubahan vokal. Hal ini bermaksud kedua-dua arah perubahan, iaitu /i, (e)/ → /a/ → /u, o/ dan /i, (e)/ ← /a/ ← /u, o/ masing-masing menghasilkan bentuk “salinan-kata akar” dan “kata akar-salinan”. Hal ini dapat diterangkan dari segi sifat ekonomi dalam proses derivasi. Yang terakhir, jika arah perubahan vokal tidak perlu dipertimbangkan seperti pola perubahan /ə, a/-/ə, i/, pembentukan kata ganda berima dipengaruhi oleh makna terbitan seperti pada penggandaan penuh.

Analisis Lee (2015) tersebut memperlihatkan bahawa perubahan vokal dalam penggandaan berima bahasa Indonesia dapat dihuraikan dengan jelas dan memuaskan jika dipertimbangkan perubahan vokal sahaja. Umpamanya, persoalan yang dikemukakan oleh Mohd Yunus (2012) terjawab berdasarkan analisis yang dilakukan oleh Lee (2015) itu. Maksudnya, analisis tersebut dapat menjelaskan sebab “gunung” berubah menjadi “ganang” seperti yang dapat dilihat dalam perkara 3.

3. Analisis kata ganda berima “gunung-ganang”a. gunung-ganang


(/i, (e)/ ←) /a/ ← /u, o/

- b. *gunung-gining, *gunung-ginang, *gunung-ginung,
*gunung-ganing, *gunung-guning, *gining-gunung, *ginang-gunung, *ginung-gunung, *ganing-gunung, *guning-gunung



/i, (e)/ ← /a/ ← /u, o/

Tidak sesuai dengan lokalisme.

- c. *gunung-ginung, *gunung-ganung, *gunung-guning ,
*gunung-gunang, *ginung-gunung, *ganung-gunung,
*guning-gunung , *gunang-gunung

Tidak sesuai dengan maksimalisme.

- d. *gining-gunung, *ginang-gunung, *ginung-gunung, *ganing-gunung,
*ganang-gunung, *ganung-gunung, *guning-gunung, *gunang-gunung

Bukan bentuk “kata akar-salinan”.

Walaupun analisis Lee (2015) itu belum dibuktikan benar ataupun sebaliknya, namun kajian tersebut memperlihatkan bahwa fenomena kompleks yang sulit difahami secara keseluruhannya dapat ditanggap dan difahami dengan lebih jelas berdasarkan fenomena sederhana. Oleh itu, kajian ini mencuba menganalisis perubahan konsonan seperti kajian Lee (2015) itu agar menerangkan sebab perubahan konsonan terjadi sedemikian rupa. Untuk itu, rumusan perubahan konsonan dalam penggandaan berima bahasa Indonesia yang diperoleh daripada ciri khususnya cuba dikemukakan di bawah.

RUMUSAN PERUBAHAN KONSONAN DALAM PENGGANDAAN BERIMA BAHASA INDONESIA

Dalam bahagian ini, akan diketengahkan rumusan perubahan konsonan dalam penggandaan berima bahasa Indonesia berdasarkan generalisasi yang dikemukakan oleh Nomoto (2012) dan Lee (2014). Pendapat dalam 1.a. menyatakan bahawa fonem konsonan seperti yang terdapat dalam Jadual 1 dapat berubah dalam penggandaan berima bahasa Indonesia, kecuali fonem /f, v, z, ʃ, x/.

Sementara itu, pendapat dalam 2.c. memperlihatkan bahawa perubahan konsonan amnya terjadi menurut arah perubahan bilabial ← apikoalveolar ← laminoalveolar ← laminopalatal ← dorsovelar ← laringal ← glotal. Kajian ini berpendapat bahawa arah perubahan tersebut juga berhubungan dengan pembentukan kata ganda berima seperti perubahan vokal yang dinyatakan dalam kajian Lee (2015). Hal ini berarti bahawa bentuk “kata akar-salinan” diterbitkan berdasarkan arah perubahan tersebut. Oleh itu, kebanyakan kata ganda berima adalah berbentuk “kata akar-salinan”, misalnya “kuih-muih”. Yang menarik di sini ialah arah perubahan yang sebaliknya menghasilkan bentuk “salinan-kata akar”, misalnya “saki-baki”. Berdasarkan fakta itu, kajian ini mendapati bahawa arah perubahan konsonan juga berkaitan dengan pembentukan kata ganda berima.

Di samping itu, pendapat dalam 2.d. menunjukkan bahawa lokalisme tidak berfungsi dalam perubahan konsonan. Malahan, maksimalisme jarak perubahan perlu diandaikan dalam perubahan konsonan. Sedangkan, maksimalisme jumlah perubahan yang terdapat dalam perubahan vokal tidak diakui lagi dalam perubahan konsonan kerana perubahan itu amnya terhad kepada konsonan yang pertama. Mengapa perubahan konsonan amnya terjadi sekali sahaja, berbeza daripada perubahan vokal? Makna inti dalam kata-kata bahasa Indonesia didasarkan kepada suku kata yang kedua. Oleh itu, perubahan konsonan dalam suku kata yang kedua tidak dibolehkan. Berbeza daripada itu, perubahan vokal yang didasarkan pada fonestem tidak mempengaruhi makna inti secara signifikan meskipun perubahan itu terjadi dalam suku kata yang kedua. Oleh sebab itu, perubahan vokal juga dapat terjadi dalam suku kata yang kedua.

Tambahan pula, kajian ini merumuskan berdasarkan pendapat dalam 2.b. bahawa ada atau tidaknya fitur [suara] merupakan satuan dasar dalam perubahan konsonan. Selain itu, diandaikan pula berdasarkan makna

Jadual 1 Fonem konsonan bahasa Indonesia (Chaer, 2009:72).

	Bilabial	Labio-dental	Apiko-alveolar	Lamino-alveolar	Lamino-palatal	Dorso-velar	Uvular	Laringal	Glotal
Hambatan (tetup)	p b		t d			k g			ʔ
Nasal	m		n		ɲ	ŋ			
Paduan (afrikat)					c ɟ				
Sampingan (lateral)			l						
Geseran (frikatif)		f v		s z	ʃ	x		h	
Getar (tril)			r						
Separuh vokal	w			y					

terbitan dalam kata-kata ganda berima bahawa makna “kepelbagaian”, “tingkat superlatif”, dan “sangat” pada dasarnya diterbitkan daripada perubahan fitur [sonoran].²

Rumusan yang dikemukakan di atas dapat diikhtisarkan seperti dalam perkara 4 yang berikut.

- (4) Rumusan perubahan konsonan dalam penggandaan berima bahasa Indonesia
 - a. Hanya fonem-fonem /p, b, t, d, k, g, ʔ, c, j, s, h, m, n, ñ, ŋ, l, r, w, y/ dapat berubah.
 - b. Perubahan konsonan lazimnya mengarah kepada bunyi bilabial dan bentuk kata ganda berima diterbitkan berdasarkan arah perubahan tersebut.
 - c. Perubahan konsonan amnya terhad kepada konsonan dalam suku kata yang pertama kerana perubahan konsonan dalam suku kata yang kedua akan mengubah makna inti kata akar.
 - d. Ada atau tidaknya fitur [suara] merupakan satuan dasar dalam perubahan konsonan serta makna “kepelbagaian”, “tingkat superlatif”, dan “sangat” pada dasarnya diterbitkan daripada perubahan fitur [sonoran].

POLA PERUBAHAN KONSONAN DALAM KATA GANDA BERIMA BAHASA INDONESIA

Dalam bahagian ini, pola perubahan konsonan dalam kata ganda berima bahasa Indonesia akan diselidik dan dianalisis dengan menggunakan rumusan yang tertera dalam perkara 4. Kata ganda berima tersebut dikumpulkan daripada kajian lepas, terutamanya Mohd Yunus & Zaitul Azma (2010) dan Nomoto (2012). Di samping itu, kata tersebut dikumpulkan pula secara manual daripada *Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)*. Kesemua pola perubahan konsonan yang terdapat dalam kata ganda berima bahasa Indonesia dapat dilihat dalam Jadual 2.

Pola 1 dan 2: c → b dan c → m

Pola perubahan konsonan c → b dan pola perubahan konsonan c → m memperlihatkan bahawa konsonan berubah kepada bunyi bilabial dan

Jadual 2 Pola-pola perubahan konsonan dalam kata-kata ganda berima bahasa Indonesia.

Bil.	Pola	Kata Ganda Berima	Makna (Departemen Pendidikan Nasional 2008)
1.	c → b	<u>calar</u> -balar	banyak baretnya (parutnya)
		<u>cerai</u> -berai	berpisah-pisah (berpecah-pecah, bubar) tidak keruan
		<u>cirit</u> -birit	segala penyakit berak-berak (buang-buang air besar)
2.	c → m	<u>cengkung</u> -mengkung	sangat cekung
		<u>cerut</u> -merut	berbagai-bagai ceruk
		<u>ciap</u> -miap	berbagai-bagai tiruan bunyi anak ayam (anak burung dan sebagainya)
		<u>condong</u> -mondong	sangat condong
		<u>coreng</u> -moreng	penuh dengan coret-coret
3.	g → r ³	<u>gotong</u> -royong ⁴	bekerja sama-sama (tolong-menolong, bantu-membantu)
4.	h → d	<u>hina</u> -dina	rendah lagi miskin, sangat hina
5.	h → p	<u>hiruk</u> -piruk	hiruk
6.	k → b	<u>kacau</u> -balau	sangat kacau

Samb. Jadual 2.

Bil.	Pola	Kata Ganda Berima	Makna (Departemen Pendidikan Nasional 2008)
7.	k → m	<u>karut</u> -marut (<u>kerut</u> -merut)	<ol style="list-style-type: none"> 1. kusut (kacau) tidak keruan; rusuh dan bingung (tentang fikiran, hati, dan sebagainya); banyak bohong dan dustanya (tentang perkataan dan sebagainya) 2. berkerut-kerut tidak keruan (tentang muka, wajah, dan sebagainya)
		<u>kawin</u> -mawin	berbagai-bagai urusan perhubungan (pernikahan)
		<u>kuih</u> -muih	bermacam-macam kuih
8.	l → p	<u>lauk</u> -pauk	berbagai-bagai (jenis) lauk
9.	p → m	<u>piut</u> -miut	keturunan jauh
10.	r → t	<u>ramah</u> -tamah	amat ramah
11.	s ← b	saki- <u>baki</u>	sisa-sisa
12.	s → b	<u>seluk</u> -beluk	<ol style="list-style-type: none"> 1. sangkut-paut (berbagai-bagai pertalian, seperti pertalian kekeluargaan, utang-piutang) 2. segala sesuatu (seperti hal yang sulit-sulit, rahasia) yang bertalian dengan suatu hal (pekerjaan, perkara, dan sebagainya) 3. kesulitan atau keruwetan (kerana berliku-liku, libat-melibat, sangkut-menyangkut, dan sebagainya)
		<u>sulur</u> -bulur	berbelit-belit tidak keruan

Samb. Jadual 2.

Bil.	Pola	Kata Ganda Berima	Makna (Departemen Pendidikan Nasional 2008)
13.	s → m	<u>sayur</u> -mayur	berbagai-bagai sayur (seperti kubis, kangkung, bayam)
		<u>sendeng</u> -mendeng	terhuyung-huyung, sempoyongan, tersendeng-sendeng
		<u>senget</u> -menget	sangat miring
		<u>serta</u> -merta	(dengan) secepatnya (begitu suatu peristiwa terjadi, begitu selesai suatu hal)
		<u>sidik</u> -midik	keras siasat, amat teliti
14.	t → m	<u>tabir</u> -mabir	macam-macam tabir
		<u>tawar</u> -mawar	tawar sekali
		<u>tipis</u> -mipis	di semua tempat tipis
		<u>tirai</u> -mirai	bermacam-macam tirai
		<u>tiris</u> -miris	banyak tirisnya

perubahan fitur [suara] terjadi dalam perubahan konsonan. Jika diperhatikan pola perubahan konsonan $c \rightarrow b$ dahulu, dapat diketahui bahawa fitur [suara] berubah untuk menyatakan makna “banyak”, “tidak keruan”, atau “segala”. Sedangkan, makna “kepelbagaian”, “tingkat superlatif”, atau “sangat” tidak ditemui dalam pola ini kerana fitur [sonoran] tidak berubah. Sebaliknya, dapat dilihat ada perubahan fitur [sonoran] dalam pola perubahan konsonan $c \rightarrow m$. Jika dilihat Jadual 2, dapat diketahui bahawa pola ini menghasilkan makna “kepelbagaian”, “sangat”, atau “penuh dengan”. Hal tersebut mendukung andaian dalam kajian ini, iaitu perubahan fitur [sonoran] berkaitan dengan makna “kepelbagaian” atau “sangat”.

Pola 3: $g \rightarrow r$

Pola perubahan konsonan $g \rightarrow r$ tidak selari dengan rumusan kajian ini dalam dua hal, iaitu perubahan kepada bunyi bilabial dan adanya perubahan

fitur [suara]. Namun, makna pola perubahan konsonan tersebut boleh dikaji dan dinilai semula. Jika dilihat dalam Jadual 2, pola perubahan konsonan $g \rightarrow r$ berkaitan dengan makna “saling”. Sebenarnya, afiks -r- telah digunakan secara meluas dalam bahasa Austronesia untuk menyatakan makna “pluralis”, “iteratif” dan lain-lain (Benjamin, 2009:304). Dengan itu, penulis berpendapat bahawa /g/ berubah kepada /r/ dalam kata ganda berima bahasa Indonesia untuk menandai makna “saling”, “iteratif” dan lain-lain.

Pola 4 dan 5: $h \rightarrow d$ dan $h \rightarrow p$

Pola perubahan konsonan $h \rightarrow d$ tidak sesuai dengan rumusan kajian ini kerana /h/ berubah kepada bunyi apiko alveolar /d/. Jika didasarkan pada rumusan tersebut, maka seharusnya /h/ berubah kepada /b/ atau /m/. Oleh itu, pola perubahan konsonan $h \rightarrow d$ merupakan contoh yang berlawanan dengan rumusan dalam kajian ini. Sementara itu, pola perubahan konsonan $h \rightarrow p$ tidak mengandungi perubahan fitur [suara]. Oleh itu, pola tersebut juga merupakan contoh yang berlawanan dengan rumusan kajian ini. Walau bagaimanapun, Nomoto (2012) telah berpendapat bahawa pola tersebut diterbitkan berdasarkan perubahan diakronik. Sekiranya pendapat itu benar, maka pola tersebut tidak perlu dianggap sebagai contoh yang berlawanan dengan rumusan kajian ini.

Pola 6 dan 7: $k \rightarrow b$ dan $k \rightarrow m$

Pola perubahan konsonan $k \rightarrow b$ memperlihatkan bahawa konsonan berubah kepada bunyi bilabial dan perubahan fitur [suara] terjadi dalam perubahan konsonan. Walau bagaimanapun, pola tersebut tidak selari dengan pendapat kajian ini kerana makna “sangat” diterbitkan tanpa perubahan fitur [sonoran]. Walaupun demikian, kata “kacau-balau” yang merupakan satu-satunya contoh dalam pola tersebut dihasilkan berdasarkan analogi dengan kata “kacau-becah” (Nomoto, 2012:5), maka pola tersebut tidak perlu dianggap sebagai contoh yang berlawanan dengan rumusan kajian ini.

Sementara itu, pola perubahan konsonan $k \rightarrow m$ memperlihatkan bahawa makna “kepelbagaian” diterbitkan oleh perubahan fitur [sonoran]. Walau bagaimanapun, perubahan fitur [sonoran] juga menghasilkan makna yang terdapat dalam perubahan fitur [suara]. Hal itu dapat difahami secara mudah kerana perubahan fitur [suara] merupakan satuan dasar

dalam perubahan konsonan. Namun, dapat dipersoalkan di sini mengapa fitur [sonoran] dipilih dalam proses derivasi berbanding fitur [suara]. Berhubung hal di atas, kajian ini berpendapat bahawa kesemua perubahan fitur [sonoran] mengandungi makna “kepelbagaian”, “tingkat superlatif”, atau “sangat”, sama ada secara tersurat mahupun secara tersirat. Misalnya “kawin-mawin”, secara tersurat memiliki makna “kepelbagaian”, manakala “karut-marut”, secara tersirat bermaksud “kepelbagaian” atau “sangat” seperti “berkerut-kerut tidak keruan (dengan berbagai-bagai kedutan)” atau “berkerut-kerut (dengan sangat) tidak keruan”.

Pola 8: l → p

Pola perubahan konsonan l → p memperlihatkan pula bahawa konsonan berubah kepada bunyi bilabial. Jika diperhatikan makna terbitan, dapat diketahui bahawa perubahan fitur [sonoran] harus terjadi kerana pola ini menghasilkan makna “kepelbagaian”. Dalam hal itu, /l/ boleh berubah kepada /b/ dan /p/. Namun, antara kedua-dua bunyi tersebut, /p/ menjadi pilihan kerana /p/ memiliki fitur [suara] yang berbeza daripada /l/.

Pola 9: p → m

Menurut pendapat dalam 4.b., /p/ dapat berubah kepada /b/ dan /m/. Namun, kata “piut-miut” pada dasarnya berkaitan dengan makna “sangat” kerana kata akar “piut” bermaksud generasi yang sangat jauh, iaitu generasi kelima. Oleh sebab itu, dapat dikatakan bahawa perubahan p → m terpilih antara kedua-dua kemungkinan perubahan tersebut.

Pola 10: r → t

Pola perubahan konsonan r → t tidak mematuhi rumusan kajian ini kerana /r/ tidak berubah kepada /p, m, b/. Pola tersebut hanya terdapat dalam kata ganda berima “ramah-tamah”. Oleh sebab itu, penulis berpendapat bahawa pola tersebut bersifat bertanda. Dengan kata lain, ada kemungkinan bahawa kata tersebut tidak terhasil daripada penggandaan sahaja.

Pola 11: s ← b

Pola perubahan konsonan s ← b sangat menarik kerana arah perubahannya terbalik berbanding pola perubahan konsonan yang lain. Seperti paparan di atas, dengan adanya pola perubahan konsonan s ← b tersebut memperlihatkan bahawa arah perubahan amat berkaitan dengan pembentukan kata ganda berima. Hal ini bererti, arah perubahan ke belakang dari segi tempat artikulasi melahirkan bentuk “salinan-kata akar”, manakala arah perubahan ke depan dari segi tempat artikulasi menghasilkan bentuk “kata akar-salinan”. Walaupun demikian, tidak jelas sebab /b/ berubah kepada /s/ dalam pola tersebut.

Pola 12 dan 13: s → b dan s → m

Pola perubahan konsonan s → b dan pola perubahan konsonan s → m juga menunjukkan bahawa konsonan berubah kepada bunyi bilabial dan makna “kepelbagaian”, “tingkat superlatif” atau “sangat” diterbitkan oleh perubahan fitur [sonoran]. Misalnya, kata ganda berima “sayur-mayur” yang termasuk dalam pola perubahan s → m memperlihatkan bahawa perubahan fitur [sonoran] digunakan untuk menandai makna “kepelbagaian”. Kata ganda berima “serta-merta” yang bermakna “secepatnya” memperlihatkan bahawa perubahan fitur [sonoran] membawa makna “tingkat superlatif”. Namun, makna tersebut agak idiosinkratik kerana makna “cepat” tidak terdapat dalam kata akar “serta”. Selain itu, “senget-menget” dan “sidik-midik” menunjukkan bahawa perubahan fitur [sonoran] menerbitkan makna “sangat”. Sementara itu, “sendeng-mendeng” dapat dianggap bermaksud “kepelbagaian” secara tersirat, iaitu “terhuyung-huyung (dalam berbagai-bagai bentuk/arah)”.

Pola 14: t → m

Perubahan konsonan kepada bunyi bilabial dan perubahan fitur [sonoran] terdapat dalam pola perubahan konsonan t → m. Makna “kepelbagaian” yang tersurat mahupun tersirat dapat ditemui dalam empat kata ganda berima, iaitu “tabir-mabir”, “tipis-mipis”, “tirai-mirai” dan “tiris-miris”. Sementara itu, “tawar-mawar” mengandungi makna “sangat”.

Perbincangan

Dalam bahagian ini, pola perubahan konsonan diselidik dan dijelaskan berdasarkan rumusan perubahan konsonan seperti yang dinyatakan dalam perkara 4. Hal yang perlu diperhatikan di sini ialah keterbatasan jumlah kata ganda berima dalam pola-pola perubahan $g \rightarrow r$, $h \rightarrow d$, $h \rightarrow p$, $k \rightarrow b$, $r \rightarrow t$ dan $s \leftarrow b$ yang tidak serasi dengan rumusan perubahan konsonan tersebut. Berdasarkan penjelasan tentang pola perubahan $g \rightarrow r$, $h \rightarrow p$, dan $k \rightarrow b$ di atas, dapat dikatakan bahawa ada kemungkinan besar tiga pola perubahan yang lain, iaitu $h \rightarrow d$, $r \rightarrow t$, dan $s \leftarrow b$, juga merupakan pola perubahan konsonan yang bertanda. Ertinya, tiga pola perubahan konsonan tersebut juga dipengaruhi oleh perubahan diakronik, analogi, dan sebagainya.

Hal lain yang perlu diperhatikan adalah bahawa perubahan dari konsonan tak bersuara kepada konsonan bersuara lebih digemari berbanding perubahan sebaliknya. Hal itu dapat dijelaskan berdasarkan fakta berikut, iaitu konsonan tak bersuara sering kali dianggap sebagai konsonan yang tidak bertanda (*unmarked*) dan perubahan dari yang tak bertanda kepada yang bertanda lebih alamiah daripada perubahan yang sebaliknya.

HUBUNGAN ANTARA TIGA JENIS PENGGANDAAN BERIMA DALAM BAHASA INDONESIA

Berdasarkan perbincangan di atas, penggandaan berima pada amnya terbahagi kepada tiga jenis, iaitu penggandaan berima dengan perubahan konsonan, penggandaan berima dengan perubahan vokal, dan penggandaan berima dengan perubahan suku kata. Walau bagaimanapun, perubahan suku kata dapat dianggap sebagai gabungan antara perubahan konsonan dan perubahan vokal. Oleh sebab itu, dapat dikatakan ada dua macam gabungan antara perubahan konsonan dan perubahan vokal dalam penggandaan berima. Satu daripadanya ialah gabungan antara perubahan konsonan (pengawal) dan perubahan vokal (inti suku kata), seperti pada “pindah-randah”. Yang satu lagi ialah gabungan antara perubahan vokal (inti suku kata) dan perubahan konsonan (koda) yang disebut sebagai perubahan suku kata dalam kajian lepas.

Jadual 3 menunjukkan kata ganda berima bahasa Indonesia yang serentak mengalami perubahan konsonan dan perubahan vokal. Jika diperhatikan Jadual 3, dapat diketahui bahawa pola perubahan suku

Jadual 3 Kata ganda berima bahasa Indonesia yang serempak mengalami perubahan konsonan dan perubahan vokal.

Pola	Kata Ganda Berima	Makna (Departemen Pendidikan Nasional 2008)
ak → ai	<u>sorak-sorai</u>	suara teriak dan pekik (tanda gembira atau senang)
ang ← it	<u>unggang-ungkit</u>	jungkat-jungkit (turun naik), bergerak-gerak turun naik
ang → ot	<u>erang-erot</u>	mencang-mencong; erot benyot; menyerong-nyerong
ang ← u	<u>kicang-kicu</u>	berbagai-bagai tipu muslihat
ang → ut	<u>geliang-geliut</u>	gerakan meliuk-liuk dan melilit (seperti belut dipegang kepalanya)
ang ← ut	<u>incang-incut</u>	1. tidak lurus betul; mencong 2. timpang (tentang kaki meja kerana pendek sebelah)
	<u>kalang-kabut</u>	bingung tidak keruan
ga → re	<u>gandeng-renteng</u>	saling bergandengan
pi → ra	<u>pindah-randah</u>	selalu berpindah
tu → la	<u>tunggang-langgang</u>	keadaan (lari dan sebagainya) dengan cepat, tetapi tidak menentu arahnya dan kadang-kadang terjatuh kerana ketakutan
u → at	<u>suku-sakat</u>	golongan orang (keluarga) yang seketurunan

kata tidak begitu bervariasi. Yang paling menarik dalam Jadual 3 ialah hubungan antara /t/ dan /ŋ/ (<ng>). Maksudnya, kedua-dua konsonan yang jarang ditemui dalam perubahan konsonan sering kali digunakan sebagai koda dalam perubahan suku kata. Jika perubahan /t/ → /ŋ/ terjadi, bentuk “salinan-kata akar” diterbitkan. Sebaliknya, jika /ŋ/ berubah kepada /t/, maka bentuk “kata akar-salinan” terhasil. Hal itu tidak berbeza daripada hubungan antara arah perubahan dengan pembentukan kata ganda berima yang dinyatakan di atas.

Seterusnya, perlu diperhatikan pula bahawa /u/ berubah kepada /at/ atau /aŋ/ dalam pola u → at dan pola ang ← u. Hal tersebut mengimplikasikan bahawa perubahan suku kata barangkali didorong oleh kendala berikut, iaitu “suku kata terakhir dalam salinan harus merupakan suku kata, yang berat (*heavy syllable*)”. Walau bagaimanapun terdapat beberapa pengecualian terhadap kendala tersebut, antaranya “hina-dina”, “mandi-manda”, “warna-warni”, dan lain-lain. Namun, ingin ditekankan di sini bahawa pengecualian tersebut juga merupakan pengecualian terhadap rumusan perubahan bunyi yang dinyatakan dalam kajian ini dan juga dalam kajian oleh Lee (2015). Dengan kata lain, ada kemungkinan bahawa pengecualian tersebut berhubungan dengan perubahan diakronik atau analogi. Misalnya, kata ganda berima “mandi-manda” yang tidak dapat diterangkan secara memuaskan dalam Lee (2015) juga dipengaruhi oleh proses diakronik, iaitu tidak berubahnya /a/ dalam kata tersebut berkaitan dengan fakta bahawa kata tersebut berasal daripada “maN-+di(o)”.

Yang berikutnya, bagaimana caranya dapat dijelaskan kata ganda berima yang serentak mengalami perubahan konsonan (pengawal) dan perubahan vokal (inti suku kata)? Umpamanya, kata “gandeng-renteng”, “pindah-randah” dan “tunggang-langgang” tentunya termasuk dalam hal itu. Pola perubahan ga → re dalam “gandeng-renteng” dan pola perubahan pi → ra dalam “pindah-randah” memperlihatkan bahawa /r/ dipilih untuk menyatakan makna “iteratif” atau “saling”. Namun, tidak jelas sebab vokal juga berubah di sini. Selanjutnya, pola perubahan tu → la dalam “tunggang-langgang” dapat dianalisis berdasarkan hubungan antara /t/ dan /l/. Hal ini dikatakan demikian kerana /t/ dan /l/ sering bertukar ganti seperti yang dapat dilihat dalam pasangan kata “tenguh” dan “lenguh”. Namun, tidak jelas pula sebab perubahan vokal diperlukan di sini. Masalah tersebut sesungguhnya perlu diselidik dalam kajian akan datang.

KESIMPULAN

Dalam kajian ini, perubahan konsonan dalam penggandaan berima bahasa Indonesia diselidik berdasarkan pendekatan terpisah. Rumusan perubahan konsonan dicadangkan, antaranya, (1) hanya fonem asli boleh berubah. Dengan kata lain, lima fonem konsonan /f, v, z, ʃ, x/ tidak berubah dalam penggandaan berima bahasa Indonesia; (2) konsonan lazimnya berubah kepada bunyi bilabial dan arah perubahan itu berkaitan dengan pembentukan kata ganda berima; (3) perubahan konsonan hanya terjadi pada konsonan dalam suku kata yang pertama; dan (4) perubahan fitur

[suara] merupakan satuan dasar dalam perubahan konsonan dan makna “kepelbagaian”, “tingkat superlatif” dan “sangat” pada dasarnya diterbitkan daripada perubahan fitur [sonoran]. Diutarakan juga pendapat dalam kajian ini bahawa perubahan kepada bunyi /r/ akan membawa makna “saling”, “iteratif”, atau “selalu”. Berdasarkan rumusan tersebut, pola perubahan konsonan dalam kata ganda berima bahasa Indonesia dapat dianalisis secara sederhana meskipun beberapa perubahan diakronik perlu dipertimbangkan.

Kajian ini cuba menghuraikan sebab perubahan konsonan terjadi sedemikian rupa dalam penggandaan berima bahasa Indonesia. Justeru, kajian ini berusaha mencari sebab “sayur” berubah menjadi “mayur”, bukannya “bayur”. Hal tersebut merupakan perbezaan dengan kajian lepas yang utamanya menerangkan penggandaan berima secara deskriptif sahaja. Namun, terdapat masalah yang belum terjawab secara berpada. Umpamanya, masih belum diketahui dengan jelas mengapa konsonan berubah dalam kata “sayur-mayur”, bukannya vokal, seperti “*sayur-siyir” (Mohd Yunus Sharum & Zaitul Azma, 2010). Adakah perubahan konsonan dan perubahan vokal pada hakikatnya berkaitan dengan kepelbagaian jenis dan kepelbagaian kebesaran? Jawapan untuk pertanyaan tersebut sesungguhnya perlu diselidik dalam kajian akan datang.

Kesimpulannya, kajian ini memberikan dua implikasi bahawa pendekatan terpisah dapat dimanfaatkan untuk menganalisis fenomena yang rumit dan fenomena linguistik yang tidak produktif lagi seperti penggandaan berima perlu dianalisis dengan mempertimbangkan perubahan diakronik. Hasil dapatan kajian ini bermanfaat dalam mengembangkan tatabahasa bahasa Indonesia secara lebih komprehensif kerana penggandaan berima mengandungi berbagai-bagai aspek nahu yang menarik dan penting seperti ikonisiti.

NOTA

1. Garis bawah digunakan untuk menunjukkan kata akar dalam kata ganda berima.
2. Fitur [sonoran] digunakan untuk menerangkan perubahan konsonan (Cooper & Ross, 1975).
3. Terdapat kedua-dua pola perubahan konsonan dalam Jadual 2 yang memiliki perubahan konsonan pada suku kata yang kedua, iaitu pola $g \rightarrow r$ dan $k \rightarrow b$. Perubahan konsonan pada suku kata yang kedua tidak dibahaskan secara terperinci dalam kajian ini untuk kesederhanaan penganalisan. Walau bagaimanapun, dapat dikatakan bahawa perubahan konsonan pada suku kata yang kedua merupakan fenomena yang tidak

tipikal dalam penggandaan berima bahasa Indonesia. Ada kemungkinan besar bahwa kedua-dua pola perubahan konsonan tersebut dipengaruhi oleh makna terbitan dan analogi. Untuk memahami hal tersebut, rujuklah penjelasan tentang pola 3 dan pola 6 di bawah.

4. Walaupun kata “gotong-royong” dicontohkan sebagai kata ganda berima dalam kajian-kajian lepas dan kajian ini, tetapi ada kemungkinan bahwa kata tersebut ialah kata majmuk. Dengan kata lain, kata tersebut diterbitkan daripada pemajmukan antara “gotong” “angkat/pikul” dan “royong” “bersama-sama” (Pranowo, 2010:146).

RUJUKAN

- Benjamin, G., “Affixes, Austronesian and Iconicity in Malay” dlm. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 165:2-3, hlm. 291-323, 2009.
- Cooper, W. E. dan Ross, J. R., 1975. “World Order” dlm. Robin E. Grossman, L. James San, dan Timothy J. Vance (ed.). *Papers from the Parasession on Functionalism*. Chicago: Chicago Linguistic Society.
- Departemen Pendidikan Nasional, 2008. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Edisi ke-4. Jakarta: Penerbit Gramedia Pustaka Utama.
- Lee, J.Y., “Godeunggyoyukeul Wihan Indonesiaeo Banbokbeop Yeongu (Kajian mengenai Penggandaan Bahasa Indonesia untuk Pengajian Tinggi)” dlm. *Foreign Language Education*, 21:2, hlm. 273-94, 2014.
- Lee, J.Y., “Indonesiaeo Rideumbanbokbeop Moeum Byeoni Yeongu (Kajian mengenai Perubahan Vokal dalam Penggandaan Berima Bahasa Indonesia)” dlm. *Korean Journal of Linguistics* 40:1, hlm. 135-50, 2015.
- Mohd Yunus Sharum dan Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2010. “Kata Ganda Berima/Berentak Bahasa Melayu: Analisis Morfologi”. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Antarabangsa Linguistik dan Kebudayaan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia, 5-6 Oktober 2010.
- Mohd Yunus Sharum, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Mohd Rohaizat Abd. Wahab dan Mat Rofa Ismail, “Formal Properties and Characteristics of Malay Rhythmic Reduplication” dlm. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 8, hlm. 750-56, 2010.
- Mohd Yunus Sharum dan Zaitul Azma Zainon Hamzah, “Golongan dan Rumus Kata Ganda Berima” dlm. *Jurnal Bahasa* 11:1, hlm. 27-47, 2011.
- Mohd Yunus Sharum, 2012. “Asal-usul Kata Ganda Berima Bahasa Melayu”. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Akademi Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Bangi, 1-2 September 2012.
- Nomoto, H., 2012. “Consonant-changing Reduplication in Malay as Identity Avoidance”. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar ALFA ke-19, Taipei, 26-30 Jun.
- Pranowo, M. B., 2010. *Multidimensi Ketahanan Nasional*. Jakarta: Pustaka Alfabet.